

SIKAP, NIAT DAN PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN e-PEMBELAJARAN DALAM KURSUS KOMUNIKASI DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

CHE HASNIZA CHE NOH, NOOR AISYAH ABD AZIZ, ISMA ROSILA ISMAIL DAN NURUL AIN CHUA ABDULLAH

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

**Corresponding author: niza@umt.edu.my*

Submitted final draft: 16 April 2023

Accepted: 21 June 2023

<http://doi.org/10.46754/jbsd.2023.09.001>

Abstrak: Perkembangan teknologi maklumat memberi kesan langsung kepada sistem pendidikan negara. Penggunaan teknologi maklumat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran telah mendapat perhatian khususnya sejak berlaku pandemik COVID-19 kerana ia menjadi satu platform penting dalam memastikan kesinambungan pembelajaran yang berterusan kepada semua pihak. Namun demikian, kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran bergantung kepada pelbagai faktor termasuklah memerlukan pemahaman berkaitan faktor yang mampu menggalakkan penerimaan e-pembelajaran secara berkesan. Untuk itu, satu kajian kuantitatif telah dijalankan ke atas 189 orang pelajar yang mengikuti kursus Kemahiran Komunikasi di Universiti Malaysia Terengganu dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan penggunaan e-pembelajaran berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model). Hasil kajian mendapati secara keseluruhan penerimaan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran berada pada tahap sederhana, manakala tanggapan kebergunaan mempengaruhi secara signifikan terhadap sikap menggunakan sistem dan tanggapan mudah digunakan tidak mempengaruhi secara signifikan. Kajian ini memberi implikasi bahawa sikap, niat, dan penerimaan terhadap sistem perlu diberi perhatian dalam memastikan keberkesanan penggunaan e-pembelajaran.

Kata kunci: Sikap, niat, penerimaan, e-pembelajaran.

STUDENTS' ATTITUDES, INTENTIONS AND ACCEPTANCE TOWARDS THE USE OF E-LEARNING IN COMMUNICATION COURSES AT UNIVERSITY MALAYSIA TERENGGANU

Abstract: The country's educational system is directly impacted by the advancement of information technology. As it offers so many options for learning, the use of information technology in teaching and learning has caught the interest of many people. Yet, an awareness of the elements that can successfully encourage e-learning adoption is necessary for its successful implementation. 189 students who took a Communication Skill's course at University Malaysia Terengganu participated in a quantitative and descriptive study, which was then evaluated using the social science statistical package software (IBM SPSS version 22). Based on the Technological Acceptance Model (TAM), this study seeks to discover the elements that affect people's willingness to adopt online learning. According to the study's findings, students generally have a modest level of acceptability for the use of e-learning, and demographic considerations have little bearing on this acceptance. While perceived ease of use has no substantial impact, perceived usefulness considerably affects how users feel about using the system. From this study, it can be inferred that in order to ensure the efficacy of e-learning usage, attitude, intention, and acceptability towards the system should be taken into account.

Keywords: Attitude, intention, acceptance, e-learning.

Pendahuluan

Percambahan meluas teknologi dan aplikasi Internet telah menyebabkan hampir kesemua universiti awam di Malaysia memperkenalkan kaedah e-pembelajaran (Ramayah *et al.*, 2012). Pembelajaran melalui web mampu menggantikan kaedah tradisional yang diguna pakai sebelum ini menyebabkan penyampaian tidak lagi terhad kepada tempat dan masa tertentu. Elemen penting e-pembelajaran ialah penggunaan media elektronik dan pada masa kini, e-pembelajaran dijelaskan sebagai pembelajaran yang digunakan melalui peranti yang berbeza, seperti komputer, telefon bimbit, tablet, dan sebagainya (Lee *et al.*, 2009). E-pembelajaran membenarkan pelajar mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti dalam suasana maya. E-pembelajaran menjadi keutamaan sejak pandemik COVID-19 melanda dunia. Ia merupakan platform yang memudahkan komunikasi dan kolaborasi bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan sempurna dalam keadaan hampir semua pengajian di institusi pengajian seluruh dunia terpaksa direhatkan sementara bagi mengelakkan jangkitan COVID-19. Ini menyaksikan sistem pendidikan melakukan perubahan drastik apabila sistem e-pembelajaran digunakan secara maksimum dengan menyediakan kursus dalam talian untuk pelajar, pembelajaran menerusi laman web, aplikasi mudah alih, video dalam talian, dan pelbagai lagi. Antara kelebihan pembelajaran dalam talian ialah pelajar mempunyai fleksibiliti untuk mengakses bahan kursus pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi. Pembelajaran dalam talian atau juga dikenali sebagai e-pembelajaran dikategorikan sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat sejak dulu lagi telah diterima baik kehadirannya dalam kalangan komuniti global (Najib *et al.*, 2017). Ia memberi kesan positif bagi meningkatkan kecekapan dan keterbukaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ismail *et al.*, 2016). Namun apabila menyedari bahawa pembelajaran dalam talian bergantung sepenuhnya kepada penggunaan perisian komputer dan teknologi, ini memberi pelbagai pengalaman dan cabaran yang berbeza. Kejayaan e-pembelajaran bergantung

kepada kemahiran dan kualiti sokongan teknikal yang tersedia kepada pengguna (Gray *et al.*, 2004). Isu teknikal seperti akses Internet, liputan terganggu serta kelajuan Internet yang tidak memberangsangkan telah memberi kesan negatif terhadap penglibatan pelajar dalam kelas dalam talian (Bing & Kamaludin, 2021; Nor Musfirah, 2021).

Pembelajaran dalam talian juga agak mencabar apabila komunikasi bukan lisan menjadi sangat terhad (Khalil *et al.*, 2020). Mengikuti kursus komunikasi memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran sosial, termasuklah kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan sebagai kemahiran penting untuk kebolehpasaran. Bagi pelajar kursus komunikasi, belajar sepenuhnya secara dalam talian memberi satu cabaran baharu untuk mempraktikkan segala teori komunikasi terutamanya dalam memastikan berlakunya komunikasi berkesan. Komunikasi berkesan ialah satu proses pertukaran idea, pemikiran, pengetahuan, dan maklumat bagi memenuhi tujuan atau niat dengan cara terbaik (Alawamleh *et al.*, 2020). Faktor kejayaan mengadaptasi e-pembelajaran perlu diperhalusi agar pelaksanaannya berjalan sempurna (Arianto *et al.*, 2020) terutamanya penerimaan pelajar terhadap aspek teknikal.

Sejauh mana kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran di institusi pendidikan masih lagi menjadi perbincangan ramai pihak. Perintah berkurung dan penutupan institusi pendidikan semasa krisis COVID-19 memaksa berlakunya peralihan daripada pembelajaran secara konvensional kepada maya secara mendadak turut memberi cabaran kepada pelajar untuk bersedia sepenuhnya. Pembelajaran dalam talian menjadi berkesan apabila akses dan jaringan Internet tidak mengalami gangguan (Jasmine & Felicia, 2019). Meskipun pelajar memberi pandangan yang positif terhadap keperluan menggunakan e-pembelajaran (Ngampornchai & Adams, 2016), namun halangan teknologi sepanjang pembelajaran dalam talian termasuk keupayaan komputer yang mengakses Internet

dan isu teknikal lain menjadi kebimbangan terbesar pengguna (Mahyoob, 2020; Mohamed *et al.*, 2021). Keadaan inilah yang menyebabkan pelajar masih berpendapat pembelajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah lebih efektif berbanding dengan pembelajaran dalam talian (Mpungose, 2020). Selain unsur personaliti dan persekitaran yang memainkan peranan dalam kepuasan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran (*e-learning*), unsur kritikal lain yang perlu diberi perhatian ialah unsur sistem (Mohamed *et al.*, 2021). Penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran perlu dikaji agar pelajar dapat mengaplikasikannya secara berkesan, justeru agak penting memahami tahap kualiti e-pembelajaran (Kumar *et al.*, 2021). Halangan yang tidak diatasi akan membawa kepada kesan negatif dan menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran (Abu Hassan *et al.*, 2021).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti penerimaan pelajar kursus komunikasi terhadap penggunaan e-pembelajaran dan bagaimana faktor tanggapan kebolehgunaan dan mudah digunakan memberi kesan ke atas sikap dan niat pelajar untuk menggunakan sistem e-pembelajaran. Dalam kajian ini, Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model* - TAM) telah menjadi pilihan kerana TAM telah lama digunakan untuk mengkaji penggunaan pelbagai aplikasi sistem maklumat (Chen & Li., 2011). Dalam TAM, dua faktor utama yang digunakan untuk menerangkan tingkah laku penerimaan komputer ialah tanggapan mudah digunakan (*Perceived Ease of Use* – PEOU) dan tanggapan kebergunaan (*Perceived Usefulness* – PU) (Abbad, 2011).

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui hubungan antara tanggapan kebolehgunaan, tanggapan mudah digunakan, sikap menggunakan sistem dan niat untuk menggunakan sistem.
2. Mengetahui pengaruh tanggapan kebolehgunaan dan tanggapan mudah digunakan terhadap sikap menggunakan sistem.
3. Mengetahui pengaruh sikap menggunakan sistem terhadap niat untuk menggunakan sistem.

Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Model Penerimaan Teknologi (TAM) dicadangkan buat pertama kali oleh Davis (1989) bagi menerangkan teori tingkah laku pengguna terhadap teknologi komputer. Model ini berdasarkan Teori Sebab Akibat (Theory of Reasoned Action - TRA) oleh Fishbein dan Ajzen (1975). TAM menjadi pilihan kerana ia sangat ringkas dan signifikan dalam menerangkan penerimaan pengguna terhadap teknologi dan sistem maklumat (King & He, 2006). Kebelakangan ini, TAM telah mendapat perhatian meluas dalam pelbagai lapangan penyelidikan seperti perubatan (Rouidi *et al.*, 2022), perbankan (Ali *et al.*, 2021), pelancongan (Amin *et al.*, 2021), perniagaan (Razak & Adam, 2020), dan pendidikan (Alamri *et al.*, 2019).

TAM dibangunkan dengan dua konstruk utama iaitu tanggapan kebolehgunaan dan tanggapan mudah digunakan. Tanggapan kebolehgunaan ialah seseorang itu percaya bahawa menggunakan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi individu, manakala tanggapan mudah digunakan pula ialah pengguna merasakan teknologi sangat menyenangkan (Davis, 1989). Kedua-dua konstruk ini mampu meramal sikap seseorang individu terhadap penggunaan teknologi seterusnya memandu kepada niat untuk bertingkah laku (Al Adwan *et al.*, 2013). Ini bermakna sekiranya pengguna mendapati teknologi berguna dan mudah digunakan, ia akan membangunkan sikap positif terhadap teknologi tersebut. Sikap ditakrifkan sebagai perasaan positif atau negatif individu dalam melaksanakan tingkah laku yang disasarkan (Fishbein & Ajzen, 1975), manakala niat untuk bertingkah laku pula adalah sama ada individu mahu melaksanakan atau tidak mahu melaksanakan tingkah laku tersebut pada masa hadapan. Begitu juga sikap positif pengguna terhadap teknologi tertentu akan mendorong individu berniat untuk menggunakan teknologi tersebut.

Kajian Lepas

Pembelajaran dalam talian atau e-pembelajaran juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan web, pembelajaran terarah, pengajaran, dan pembelajaran yang menggunakan komputer serta pembelajaran yang berasaskan Internet (Mokhtar *et al.*, 2021). Penggunaan e-pembelajaran sesuai dengan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana ia memberi peluang kepada pelajar berkongsi idea, menggalakkan interaksi pelbagai arah iaitu antara pengajar dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar serta melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan (Yusof & Zulkifli, 2014). Selain itu, ia turut mempunyai kelebihan seperti mampu meminimumkan masa dan usaha supaya tenaga yang diminimumkan boleh digunakan untuk melakukan aktiviti lain di luar waktu pelajaran (Nugraha *et al.*, 2020).

Japaliding dan Kusnek (2021) mengenal pasti dua faktor yang mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu motivasi dan kesediaan belajar. Penggunaan e-pembelajaran bergantung kepada faktor luaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi pelajar dalam mengikuti PdP secara dalam talian. Selain itu, keserasian pengguna mempunyai hubungan secara langsung dengan penerimaan pelajar terhadap amalan pembelajaran dalam talian. Sekiranya pelajar merasakan penggunaan teknologi tidak mengubah rutin harian kehidupan mereka, maka sikap pelajar akan terarah untuk menggunakan pembelajaran dalam talian (Aziz *et al.*, 2020).

Kajian oleh Mohamed *et al.*, (2021) terhadap pelajar kolej komuniti bagi mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap aplikasi Telegram adalah tinggi kerana aplikasi tersebut dianggap berguna dan mudah digunakan, baik dan dipengaruhi secara positif oleh faktor sikap pelajar terhadap aplikasi tersebut. Dapatan ini selari dengan TAM. Sementara itu, Umbit dan Taat (2016) menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh manfaat dan mudah digunakan serta penjimatan masa dan kandungan kursus yang

mudah dan bersesuaian dengan tugas. Abd. Ghani *et al.* (2020) meninjau penerimaan pelajar terhadap penggunaan Microsoft Teams dari sudut mudah digunakan, kebolegunaan serta sikap, dan niat mendapati bahawa penerimaan pelajar adalah pada tahap sederhana. Capaian Internet yang terbatas menyebabkan keinginan untuk menggunakan teknologi pembelajaran akan berkurang dan tidak menyeronokkan apabila sistem tersebut sukar digunakan dan mengalami pelbagai kesulitan. Aziz *et al.* (2020) berpendapat sekiranya individu merasakan sesuatu teknologi mudah digunakan, maka perasaan untuk menerima, menggunakan teknologi dan melibatkan diri secara aktif dalam e-pembelajaran adalah tinggi. Secara umumnya, kebanyakan kajian lepas menunjukkan sikap dan penerimaan menggunakan sistem terbentuk daripada tanggapan mudah digunakan dan kebergunaan sistem (Al-Harbi, 2011; Abd. Ghani *et al.*, 2020; Arianto *et al.*, 2020; Arshad *et al.*, 2021). Sikap pelajar terhadap e-pembelajaran adalah faktor terpenting dalam menentukan niat pelajar untuk menggunakan e-pembelajaran (Weng *et al.*, 2018; Abd. Ghani *et al.*, 2020).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif dengan memberi tumpuan kepada penggunaan e-pembelajaran dalam kursus komunikasi di UMT berpandukan TAM. Seramai 189 orang pelajar prasiswazah terlibat sebagai responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan, pelbagai tahun pengajian, dan fakulti. Borang soal selidik yang lengkap dikodkan ke dalam perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah, manakala regresi linear digunakan bagi meramal pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Regresi linear berganda pula digunakan untuk mengenal pasti faktor terhadap niat bertindak laku berdasarkan model TAM.

Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian; demografi responden, tanggapan kebolehgunaan, tanggapan mudah digunakan, sikap menggunakan sistem, dan niat bertingkah laku. Terdapat lima item untuk mengukur tanggapan kebolehgunaan, empat item untuk mengukur tanggapan mudah digunakan, empat

item untuk mengukur sikap menggunakan sistem dan empat item untuk mengukur niat untuk bertingkah laku. Item-item tersebut menggunakan skala Likert 5 peringkat bermula daripada 1 “Sangat Tidak Setuju” hingga 5 “Sangat Setuju”. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehppercayaan *Cronbach Alpha* bagi setiap pemboleh ubah.

Jadual 1: Analisis kebolehppercayaan pemboleh ubah

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
Tanggapan kebolehgunaan	5	0.841
Tanggapan mudah digunakan	4	0.776
Sikap menggunakan sistem	4	0.889
Niat untuk bertingkah laku	4	0.805

Dapatan Kajian

Jadual 2 menunjukkan majoriti ialah pelajar perempuan iaitu 157 orang (83.1%), manakala pelajar lelaki seramai 32 orang (16.9%). Majoriti ialah pelajar dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial iaitu 131

orang (69.3%). Peratusan tertinggi iaitu 65.6% (124 orang) merupakan pelajar tahun ketiga. Didapati juga, majoriti responden mencapai CGPA antara 3.00 hingga 3.40 iaitu seramai 105 orang (55.6%).

Jadual 2: Demografi responden

Profil		Bil (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	32	16.9
	Perempuan	157	83.1
Fakulti	Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik	32	16.9
	Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial	131	69.3
	Sains dan Sekitaran Marin	18	9.5
	Pengajian Maritim	8	4.2
Tahun Pengajian	Pertama	4	2.1
	Kedua	25	13.2
	Ketiga	124	65.6
	Keempat	36	19.0
CGPA	3.50 ke atas	66	34.9
	3.00 - 3.40	105	55.6
	3.00 ke bawah	18	9.5

Objektif 1: Menenal pasti hubungan antara tanggapan kebolehgunaan, tanggapan mudah digunakan, sikap menggunakan sistem, dan niat untuk menggunakan sistem e-pembelajaran.

Secara keseluruhannya, analisis deskriptif min bagi keempat-empat pemboleh ubah (tanggapan kebolehgunaan, tanggapan mudah digunakan, sikap menggunakan sistem, dan niat

menggunakan sistem) berada di antara min 3.137 hingga 3.716 (Jadual 3). Jadual 4 menunjukkan semua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah niat (TK = .373, $p < 0.01$, TMD = .292, $p < 0.01$, S = .515,

$p < 0.01$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan yang paling tinggi adalah antara sikap dan niat untuk menggunakan e-pembelajaran, manakala hubungan yang paling lemah adalah antara tanggapan mudah digunakan dengan niat untuk menggunakan sistem.

Jadual 3: Tahap tanggapan kebolehgunaan, tanggapan mudah digunakan, sikap mengguna sistem, dan niat untuk terus menggunakan sistem

Pemboleh Ubah	Min	SP
Tanggapan kebolehgunaan	3.716	.526
Tanggapan mudah digunakan	3.137	.411
Sikap	3.254	.453
Niat menggunakannya	3.623	.535

Jadual 4: Hubungan korelasi antara pemboleh ubah

	TK	TMD	S	N
TK		.730**	.317**	.373**
TMD	.730**		.224**	.292**
S	.317**	.224**		.515**
N	.373**	.292**	.515**	

TK=tanggapan kebolehgunaan, TMD = tanggapan mudah digunakan, S= sikap menggunakan sistem, N=niat untuk menggunakannya

Objektif 2: Mengetahui pengaruh tanggapan kebolehgunaan dan tanggapan mudah digunakan terhadap sikap menggunakan sistem.

Jadual 5 menunjukkan analisis regresi berganda bagi meramalkan tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah digunakan terhadap sikap untuk menggunakan sistem.

Hasil analisis menunjukkan bahawa ($F = 13.937$, $p < 0.000$) R^2 adalah 0.130, yang menunjukkan bahawa peramal mempengaruhi sebanyak 13% terhadap sikap menggunakan sistem dan selebihnya sebanyak 87% dijelaskan pemboleh ubah lain. Namun hanya tanggapan kebergunaan sahaja meramal secara signifikan terhadap sikap menggunakan sistem ($t = 3.680$, $p = 0.000$).

Jadual 5: Ujian regresi berganda pemboleh ubah tanggapan kebolehgunaan dan tanggapan mudah digunakan ke atas pemboleh ubah sikap menggunakan sistem

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	1.805	.268	.305	6.741	.000
Tanggapan kebergunaan	.280	.076		3.680	.000
Tanggapan mudah digunakan	.092	.089	.086	1.042	.299

^aPemboleh ubah bersandar: Sikap menggunakan sistem

$R = .361$ $R^2 = .130$

F-statistic = 13.937 ($p = 0.000$)

Objektif 3: Mengenal pasti pengaruh sikap menggunakan sistem terhadap niat untuk menggunakan sistem.

Jadual 6 menunjukkan analisis regresi linear bagi meramalkan sikap menggunakan sistem terhadap niat untuk menggunakan sistem. Hasil analisis menunjukkan bahawa ($F = 67.550$, $p < 0.000$) nilai R^2 adalah 0.262

dengan nilai R 0.515. Ini bermakna kekuatan sikap menggunakan sistem terhadap niat untuk menggunakan sistem ialah 26.2% manakala selebihnya (74.8%) dijelaskan pemboleh ubah lain. Melalui model regresi ini, didapati hasil sikap terhadap penggunaan sistem ($\beta = 20.515$, $t = 8.219$, $p < 0,05$) memiliki pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan sistem.

Jadual 6: Ujian regresi linear pemboleh ubah sikap menggunakan sistem ke atas pemboleh ubah niat untuk menggunakan sistem

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	1.801	.224	.515	8.034	.000
Sikap	.580	.071		8.219	.000

Pemboleh ubah bersandar: Niat untuk menggunakan sistem

$R = .515a$

$R^2 = .262$

F-statistic = 62.952 ($p = 0.000$)

Perbincangan dan Kesimpulan

E-pembelajaran telah menjadi platform penting yang digunakan secara meluas di institusi pendidikan seluruh dunia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran dengan menggunakan TAM bagi meramal sikap dan niat pelajar menggunakan sistem e-pembelajaran di UMT. Hasil kajian mendapati tanggapan kebolegunaan, mudah digunakan, sikap, dan niat terhadap penggunaan e-pembelajaran berada pada tahap sederhana. Dapatan ini sepadan dengan penemuan kajian terdahulu seperti Aziz *et al.* (2020) dan Japaliding dan Kusnek (2021). Meskipun tidak dapat dinafikan bahawa e-pembelajaran memberi banyak faedah kepada pelajar semasa PKP apabila membolehkan mereka belajar dengan selesa dan fleksibel tanpa mengira masa dan lokasi (Mumen, 2022), namun beberapa halangan dan cabaran yang wujud menggunakan e-pembelajaran sedikit sebanyak telah mengurangkan keterujaan pelajar untuk menggunakan e-pembelajaran sehinggakan ada pelajar memilih untuk belajar secara bersemuka berbanding kelas secara

dalam talian (Abdullah & Mohamad Zin, 2022). Pelajar juga menganggap pembelajaran dalam e-pembelajaran kurang sesuai untuk kursus komunikasi (Noh, C. H. C., *et al.*, 2022).

Berpandukan model yang dicadangkan oleh Davis (1989), dalam TAM, dua konstruk utama iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah digunakan menjelaskan pengaruhnya terhadap sikap menggunakan sistem. Hasil kajian telah menyokong teori dan dapatan sarjana sebelum ini (Arshad *et al.*, 2021) bahawa tanggapan kebergunaan mempengaruhi sikap untuk menggunakan sistem. Apabila pelajar percaya bahawa sistem e-pembelajaran berguna kepada mereka, sikap dan niat untuk menggunakan sistem akan meningkat. Tanggapan kebergunaan telah dicadangkan sebagai faktor langsung mempengaruhi sikap dan mendorong pengguna untuk terlibat dengan teknologi dengan lebih kerap (Teo & Noyes, 2014) dan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran (Okantey & Addo, 2016). Aspek

kebergunaan sesuatu teknologi ialah pengguna mendapati teknologi membantu dalam urusan dan kehidupan harian, sudah pasti mereka akan menggunakan dan menerima teknologi tersebut (Zemudin & Salleh, 2017). E-pembelajaran sememangnya menyediakan fleksibiliti kepada pelajar untuk belajar pada masa yang sesuai. Pelajar juga bersetuju bahawa pembelajaran menggunakan e-pembelajaran memberi keselesaan dan meningkatkan prestasi mereka. Walau bagaimanapun, tanggapan mudah digunakan tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap sikap menggunakan sistem. Dapatan ini sedikit berbeza dengan model TAM namun ia menyokong dapatan kajian Sakarji *et al.* (2019), Chang *et al.* (2012) dan Nurkhin dan Saputro (2021). Ini menunjukkan bahawa kemudahan atau kesukaran yang dialami pelajar ketika menggunakan e-pembelajaran tidak memberi kesan terhadap sikap pelajar untuk menggunakan sistem e-pembelajaran. Ini mungkin kerana pelajar tidak mempunyai pilihan lain sepanjang tempoh pembelajaran dalam musim pandemik COVID-19 yang melanda. Maka setiap kesukaran yang dialami ketika menggunakan e-pembelajaran sedikit demi sedikit akan cuba diatasi oleh pelajar supaya mereka tidak ketinggalan. Pada fasa awal pelaksanaan teknologi baharu, tanggapan mudah digunakan mungkin menjadi sangat penting namun apabila sudah terbiasa menggunakan teknologi, pengguna lebih cenderung untuk menerimanya (Al-Mubireek, 2019).

Niat untuk menggunakan sistem e-pembelajaran merupakan penentu sebagaimana yang dicadangkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Sementara itu, sikap merupakan faktor penting yang mempengaruhi niat menggunakan e-pembelajaran. Selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh sarjana terdahulu (Weng *et al.*, 2018; Abd. Ghani *et al.*, 2020) yang menunjukkan bahawa sikap terhadap e-pembelajaran didapati mempunyai kesan yang kuat terhadap niat untuk menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa apabila pelajar bersikap positif terhadap penggunaan sistem e-pembelajaran, niat bertindak laku

mereka akan turut meningkat, dan begitu juga sebaliknya. Dalam erti kata lain, pelajar yang mempunyai sikap yang menggalakkan tentang penggunaan e-pembelajaran lebih cenderung untuk menerima dan menggunakan teknologi ini pada masa hadapan.

Kajian ini memberi implikasi bahawa pelajar lebih cenderung untuk menerima dan menggunakan e-pembelajaran jika mereka mempunyai tanggapan bahawa sistem e-pembelajaran ini mudah digunakan serta tinggi tahap kebolegunaan. Oleh itu, pentadbiran universiti harus memastikan fasiliti terbaik untuk membolehkan pelajar akses kepada e-pembelajaran selain perlu mewujudkan infrastruktur sistem e-pembelajaran yang sesuai dan menilai kesediaan pelajar untuk sistem e-pembelajaran. Selain itu penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dapat dipertingkatkan dengan menyediakan latihan kepada pelajar tentang cara menggunakan sistem e-pembelajaran serta menawarkan sokongan teknikal yang lebih berkesan.

Penghargaan

Kajian ini adalah di bawah projek penyelidikan Geran Penyelidikan Scholarship of Teaching and Learning (SoTL) UMT, Vot 55199/3.

RUJUKAN

- Abbad, M. (2011). A conceptual model of e-learning adoption. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 6
- Abd Gani, M. I., Abdulah, N. A., & Abd Aziz, N. H. (2020). Penerimaan pelajar terhadap penggunaan Microsoft Teams dalam pembelajaran bahasa Arab komunikasi sepanjang pandemik COVID-19. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6837>
- Abdullah, N., & Mohamed Zin, M. (2022). Cabaran pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 bagi pelajar pengajian bahasa Arab di KUIS. *Malaysian*

- Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(5), e001488.
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (e-Pembelajaran) terhadap pembelajaran pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (IJHTC), 2(10), 1-14.
- Al-Adwan, A., Al-Adwan, A., & Smedley, J. (2013). Exploring students acceptance of e-learning using technology acceptance model in Jordanian universities. *International Journal of Education and Development Using ICT*, 9(2), 4-18.
- Alamri, M. M., Al-Rahmi, W. M., Yahaya, N., Al-Rahmi, A. M., Abualrejal, H., Zeki, A. M., & Al-Maatouk, Q. (2019). Towards adaptive e-learning among university students: By applying technology acceptance model (TAM). *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 8(6s3), 270-276. <http://dx.doi.org/10.35940/ijeat.F1043.0986S319>
- Alawamleh, M., Al-Twait, L. M., & Al-Saht, G. R. (2020). The effect of online learning on communication between instructors and students during COVID-19 pandemic. *Asian Education and Development Studies*, 11(2), 380-400.
- Al-Harbi, K. A. S. (2011). E-Learning in the Saudi tertiary education: Potential and challenges. *Applied Computing and Informatics*, 9(1), 31-46.
- Ali, Q., Parveen, S., Yaacob, H., & Zaini, Z. (2021). Cardless banking system in Malaysia: An extended TAM. *Risks*, 9(2), 41. <http://dx.doi.org/10.3390/risks9020041>
- Al-Mubireek, S. (2019). E-learning in the English classroom: Comparing two e-learning platforms impacting preparatory year students' language learning. *Call-Ej*, 20(2), 19-37.
- Amin, S. M. A., Zaid, D. S., Adenan, H., & Parid, D. M. (2021). Identifying tourist response towards virtual tour. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 32-37.
- Arianto, F., Susarno, L. H., Dewi, U., & Safitri, A. F. (2020). Model penerimaan dan pemanfaatan teknologi: e-Learning di perguruan tinggi. *Kwangsan Jurnal Teknologi Pendidik*, 8(1), 110-121. <https://doi.org/10.31800/jtp.kw.v8n1.p110--121>
- Arshad, N. M., Hassan, Z., & Noh, H. S. M. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di Politeknik Port Dickson: Kajian kes semester 4 diploma kejuruteraan mekanikal pembuatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6, 107-123. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S1\).6236](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S1).6236)
- Aziz, N. F. A. M., Wahab, E., Shamsuddin, A., Abdullah, N. H., & Ahmad, W. N. K. W. (2020). Hubungan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap amalan pembelajaran atas talian. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 104-113.
- Bing, W. A., & Jamaludin, K. A. (2021). Pembelajaran dalam talian (e-Pembelajaran) semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 408-414.
- Chang, C. C., Yan, C. F., & Tseng, J. S. (2012). Perceived convenience in an extended technology acceptance model: Mobile technology and English learning for college students. *Australasian Journal of Educational Technology*, 28(5), 809-826.
- Chen, S., Li, S., & Li, C. (2011). Recent related research in technology acceptance model: A literature review. *Australian Journal of Business and Management Research*, 1(9), 124-127.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-339.

- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, M. A: Addison-Wesley.
- Gray, D. E., Ryan, M., & Coulon, A. (2004). The training of teachers and trainers: Innovative practices, skills and competencies in the use of e-Learning. *European Journal of Open, Distance and e-learning*, 7(2).
- Ismail, M. D., Zain, N. S. M., & Hamid, R. A. (2016). E-Pembelajaran, tekanan dan komitmen belajar dalam kalangan pelajar sains sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1).
- Japalding, N. H., & Kusnek, H. (2021). COVID-19 pandemic: The use of e-learning during Movement Control Order (MCO) among students in Universiti Selangor. *Selangor Humaniora Review*, 5(2), 146-168.
- Jasmine, P., & Felicia, J. (2019). A comparative analysis of student performance in an online vs. Face-to-face environmental science course from 2009 to 2016. *Frontiers in Computer Science*, 1(7), 1-9
- Khalil, R., Mansour, A. E., Fadda, W. A., Almisnid, K., Aldamegh, M., Al-Nafeesah, A., Alkhalifah, A., & Al-Wutayd, O. (2020). The sudden transition to synchronized online learning during the COVID-19 pandemic in Saudi Arabia: A qualitative study exploring medical students' perspectives. *BMC Medical Education*, 20(1), 1-10. <https://doi.org/10.1186/s12909-020-02208-z>
- King, W. R., & He, J. (2006). A meta-analysis of the technology acceptance model. *Information & Management*, 43(6), 740-755.
- Kumar, P., Saxena, C., & Baber, H. (2021). Learner-content interaction in e-learning: The moderating role of perceived harm of COVID-19 in assessing the satisfaction of learners. *Smart Learning Environment*, 8(5), 1-15.
- Lee, B. C., Yoon, J. O., & Lee, I. (2009). Learners' acceptance of e-learning in South Korea: Theories and results. *Computers & education*, 53(4), 1320-1329.
- Mahyoob, M. (2020). Challenges of e-learning during the COVID-19 pandemic experienced by EFL Learners. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 11(4), 351-362.
- Mohamed, H. A., Ali, N. A. N. M., Hamid, S. H., Isa, M. R. M., Mohamad. M. H. & Saudi, N. S. M. (2021). Unsur-unsur kritikal yang mempengaruhi kepuasan pelajar terhadap sistem e-pembelajaran di Universiti Awam (UA). *Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASAK6 2021) – Dalam Talian 9 & 10 November 2021* (pp. 207-325).
- Mokhtar, S., Abdul Hamid, B., & Nik Nazli, N. N. N. (2021). Kesediaan penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar Universiti Tenaga Nasional: Satu tinjauan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 161-172.
- Mpungose, C. B. (2020). Emergent transition from face-to-face to online learning in a South African University in the context of the coronavirus pandemic. *Humanities and Social Sciences Communications*, 7(113), 1-9.
- Mumen, K. N. A. (2022). Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap komitmen belajar dalam kalangan pelajar pascasiswazah fakulti pendidikan, UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 15-30.
- Najib, H. M., Bakar, N. R. A., & Othman, N. (2017). E-pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi Selangor. *Attarbawiy: Malaysia Online Journal of Education*, 1(1), 74-82.
- Ngampornchai, A., & Adams, J. (2016). Students' acceptance and readiness for e-learning in Northeastern Thailand. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 13(1), 1-13.

- Noh, C. H. C., Ibrahim, M. Y., Ismail, I. R., Abas, M. M., Abdullah, N. A. C., & Aziz, N. A. A. (2022). Hubungan penggunaan e-pembelajaran dengan kompetensi komunikasi pelajar Universiti Malaysia Terengganu. *EDUCATUM - Journal of Social Science (EJOSS)*, 8(Special Issue), 24-36.
- Nor Musfirah, M. (2020). Cabaran pedagogi norma baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS) ketika pandemik wabak coronavirus COVID-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 243-254.
- Nugraha, S. A., Sudiatmi, T., & Suswandari, M. (2020). Studi pengaruh daring learning terhadap hasil belajar matematika kelas IV. *Jurnal Inovasi Penelitian*, 1(3), 265- 276.
- Nurkhin, A., & Saputro, I. H. (2021). Teacher's intention to use online learning; An extended Technology Acceptance Model (TAM) investigation. *Journal of Physics: Conference Series*, 1783(1), p. 012123.
- Okantey, M., & Addo, H. (2016). Effect of theoretical and institutional factors on the adoption of e-learning. *European Scientific Journal*, 12(16), 1-12.
- Ramayah, T., & Lee, J. W. C. (2012). System characteristics, satisfaction, and e-learning usage: A Structural Equation Model (SEM). *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(2), 196-206.
- Razak, S. A., & Adam, A. (2020). Pengaruh faktor kebergunaan dan kemudahan terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. *International Journal of Business and Economy*, 2(3), 59-67.
- Rouidi, M., Abd Elmajid, E., Hamdoune, A., Choujtani, K., & Chati, A. (2022). TAM-UTAUT and the acceptance of remote healthcare technologies by healthcare professionals: A systematic review. *Informatics in Medicine Unlocked*, 32, 101008. <https://doi.org/10.1016/j.imu.2022.101008>
- Sakarji, S. R., Nor, K. M., Razali, M. M., Talib, N., Ahmad, N., & Saferdin, W. A. A. W. M. (2019). Investigating students acceptance of e-learning using technology acceptance model among diploma in office management and technology students at UiTM Melaka. *Journal of Information System and Technology Management*, 4(13), 13-26.
- Teo, T., & Noyes, J. (2014). Explaining the intention to use technology among pre-service teachers: A multi-group analysis of the unified theory of acceptance and use of technology. *Interactive Learning Environments*, 22(1), 51-66.
- Umbit, A. F., & Taat, M. S. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, 13, 1-14.
- Weng, F., Yang, R., Ho, H., & Su, H. (2018). A TAM-based study of the attitude towards use intention of multimedia among school teachers. *Applied System Innovation*, 1(3), 36.
- Yusof, Z. M., & Zulkifli, Z. A. (2014). Perkongsian pengetahuan bagi tujuan pembelajaran mengguna media sosial: Keperluan kepada model. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 3(2), 47-61.
- Zemudin, N. A. M., & Salleh, M. A. M. (2017). Mudah guna dan kebergunaan laman web universiti dalam kalangan pelajar antarabangsa. *e-BANGI*, 12(1), 1-12.